

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 02.05.2025 MASA: 11.15AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR
SETIAUSAHA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PROGRAM *BRISK WALK* BERSAMA KELUARGA SIRI
1/2025**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**3 MEI 2025 (SABTU)
8.00 PAGI**

**TAMAN NEGERI BUKIT PANCHOR
SEBERANG PERAI SELATAN**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini dalam **Program Brisk Walk Bersama Keluarga Siri 1/2025**.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang atas kesudian memberikan kebenaran serta sokongan kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam menganjurkan program ini.
3. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua warga kerja MBSP yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung serta kepada para peserta dan hadirin sekalian yang turut serta dalam menjayakan program ini. Sesungguhnya, inisiatif seperti ini mencerminkan komitmen kita bersama dalam memperkasa budaya hidup sihat dalam kalangan warga kerja MBSP dan keluarga masing-masing.
4. Program ini merupakan hasil daripada cetusan idea yang dirangka dalam Bengkel Pembentukan *Seberang Perai Corporate Priorities*

2025 yang telah diadakan pada 15 November 2024. Ia kemudiannya telah diangkat dan diluluskan sebagai antara program teras untuk pelaksanaan sepanjang tahun 2025.

5. Program ini juga adalah kesinambungan kepada Program Senam Sihat MBSP yang diadakan pada setiap hari Rabu minggu kedua dan keempat, dengan pendekatan kali ini diperluaskan kepada penyertaan keluarga dalam bentuk aktiviti kecergasan berkumpulan. Konsep *Brisk Walk* atau berjalan pantas bukan sahaja mudah dilaksanakan, bahkan memberikan manfaat yang signifikan dari sudut kesihatan fizikal, kesejahteraan mental serta keseimbangan emosi.
6. Dengan penyertaan seramai 300 orang peserta terdiri daripada kakitangan MBSP dan seisi keluarga, program ini bukan sekadar menjurus kepada aktiviti fizikal, malah turut membuka ruang kepada pengukuhan nilai kekeluargaan, peningkatan semangat berpasukan serta pembentukan komuniti sihat dan harmoni.
7. Lebih bermakna lagi, Program *Brisk Walk* ini dirancang untuk dilaksanakan dalam tiga siri utama, meliputi kesemua daerah di Seberang Perai, agar penyertaan warga kerja dan seisi keluarga dapat dilaksanakan dengan lebih inklusif, tanpa mengira lokasi kediaman mahupun tempat bertugas. Siri pertama bermula di Bukit Panchor pada hari ini, akan disusuli dengan:

- a) Siri Kedua di Vision Park, Seberang Perai Utara pada 26 Julai 2025; dan
- b) Siri Ketiga di Empangan Mengkuang, Seberang Perai Tengah pada 4 Oktober 2025.

Saya percaya, usaha berterusan seperti ini mampu menyemai budaya kerja yang lebih proaktif, meningkatkan produktiviti dan yang paling utama, mewujudkan persekitaran kerja yang lebih ceria, mesra dan sejahtera.

- 8. Saya menaruh harapan tinggi agar warga kerja MBSP akan terus menyambut baik inisiatif-inisiatif seumpama ini dengan penuh semangat dan komitmen. Amalan gaya hidup sihat seharusnya menjadi budaya dan rutin, bukan hanya sekadar pengisian program sekali-sekala.
- 9. Saya juga menyeru agar kita menjadikan peluang ini sebagai satu platform untuk saling mengenali, mempererat hubungan sesama rakan sekerja serta bersama-sama mendukung aspirasi menjadikan MBSP sebagai sebuah organisasi yang bukan sahaja cemerlang dari sudut perkhidmatan, tetapi juga sebagai majikan yang prihatin dan progresif.
- 10. Akhir kata, saya ingin mengucapkan selamat melangkah dengan cergas dan ceria sambil menikmati keindahan alam semula jadi di Taman Negeri Bukit Panchor ini, dan semoga program pagi ini

menjadi permulaan kepada lebih banyak langkah positif dalam kehidupan kita sekeluarga.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***